Untung bersih Telekom turun 83.52 peratus kepada RM153.52 juta

Malaysiakini

26 Februari 2019

Keuntungan bersih Telekom Malaysia Bhd (TM) bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Dis, 2018 turun 83.52 peratus kepada RM153.154 juta daripada RM929.749 juta dalam tahun kewangan 2017.

Hasil juga susut kepada RM11.82 bilion dalam tahun kewangan 2018 daripada RM12.08 bilion tahun sebelumnya.

TM dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata penurunan itu disebabkan oleh prestasi merosot aset rangkaian yang diiktiraf oleh kumpulan tersebut dalam suku ketiga 2018, yang membawa kepada penurunan 65.9 peratus dalam keuntungan operasi sebelum kewangan kepada RM375.5 juta daripada RM1.10 bilion sebelumnya.

Bagi suku keempat yang berakhir pada 31 Dis, 2018, keuntungan bersih turun kepada RM69.66 juta daripada RM277.01 juta dalam suku keempat 2017.

TM dalam satu kenyataan berasingan berkata prestasi kumpulan menerima kesan daripada keadaan tidak menentu berterusan dalam industri dan landskap

operasi semasa tahun kewangan itu.

Jumlah perbelanjaan modal bagi tahun kewangan 2018 adalah sebanyak RM2.14 bilion atau 18.1 peratus daripada hasil, lebih rendah berbanding panduan perbelanjaan tahun penuh TM antara 19 dan 20 peratus daripada hasil.

Sementara itu, TM juga mengisytiharkan dividen tunai interim dua sen sesaham - pembayaran berjumlah RM75.1 juta, yang dijangka diagihkan pada 12 April, 2019.

“Kami meneruskan fasa transformasi kami yang seterusnya bagi memastikan kemampanan jangka panjang dan daya tahan kami ke arah membentuk TM baharu yang memberi penekanan menumpukan kepada pelanggan.

"Pada masa yang sama, kami akan terus menggunakan aset kami untuk mengoptimumkan prestasi dan mencapai fokus yang lebih baik menerusi pemusatan,” Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Operasi Imri Mokhtar dipetik sebagai berkata dalam kenyataan itu.

Beliau berkata syarikat telekomunikasi utama itu juga akan memanfaatkan kesalinghubungan untuk mempertahankan dan mengembangkan perniagaan terasnya dan ekosistem perkongsian bagi meneroka perniagaan baharu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: https://www.malaysiakini.com/news/465697